

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA  
[TASIK GELUGOR]**

**TARIKH : 16 JULAI 2019 (RABU)**

**SOALAN NO.19:**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap penubuhan sekolah tahfiz yang begitu banyak. Apakah elemen kawalan dan kerjasama dengan pihak berkuasa agama negeri dalam memastikan kewujudan sekolah-sekolah ini mengikut peraturan dan piawaian yang ditetapkan.

**JAWAPAN: (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF, MENTERI DI  
JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang Dipertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan memandang serius terhadap penubuhan sekolah tahfiz yang semakin bertambah dari semasa ke semasa. Oleh itu, Kerajaan telah mewujudkan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) yang merupakan asas penting sebagai landasan jangka panjang bagi pengurusan pendidikan tahfiz berkualiti seterusnya melahirkan modal insan dan generasi al-Quran yang kompeten dan berdaya saing. DPTN dilaksanakan melalui lima teras berikut:

- (a) Memantapkan Undang-Undang dan Penguatkuasaan;
- (b) Mewujudkan Model Institusi Tahfiz;
- (c) Mewujudkan Kurikulum Pendidikan Tahfiz;

**NO. SOALAN: 19**

- (d) Memperkasakan Tadbir Urus Institusi Tahfiz; dan
- (e) Mewujudkan Sistem Pengiktirafan dan Pensijilan.

Dari aspek kawalan, setiap institusi tahfiz yang ditubuhkan di negeri-negeri adalah tertakluk kepada Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam dan peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa di negeri berkenaan.

Kerajaan melalui JAKIM juga sentiasa bekerjasama erat dengan negeri-negeri bagi memperkasa institusi tahfiz di seluruh negara. Antaranya menerusi inisiatif di bawah DPTN, yang mana JAKIM dengan kerjasama pihak berkuasa agama negeri sedang membangunkan Garis Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Institusi Tahfiz, bagi memastikan penubuhan sekolah-sekolah tahfiz di negeri-negeri mengikut peraturan dan piawaian yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.